# Penyata Kewangan - 31 MAC 2010

## Uni.Asia General Insurance Berhad (16688-K)

syarikat DRB-HICOM & UOB

## Laporan Pengarah

Para Pengarah membentangkan laporan mereka kepada ahli-ahli berserta penyata-penyata kewangan Uni.Asia General Insurance Berhad ("Syarikat") yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2010.

**URUS TADBIR KORPORAT**

Lembaga Pengarah ("Lembaga") mengesahkan bahawa Syarikat mematuhi semua keperluan peraturan-peraturan di bawah Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM") JPI/GPI 25 – Rangka Rancangan Berhemat Urus Tadbir Korporat Penanggung Insurans.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah adalah komited dalam memastikan tahap urus tadbir yang tertinggi dikekalkan menerusi pematuhan undang-undang, peraturan-peraturan dan penggunaan amalan terbaik urus tadbir korporat yang lain.

**Komposisi Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah terdiri daripada lapan pengarah dengan komposisi dua Pengarah Bebas Bukan Eksekutif – George Isac Pereire dan Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar, enam Pengarah Bukan Eksekutif – Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil, David Chan Mun Wai, Chan Kok Seong, Dato' Khalid bin Abdol Rahman, Lawrence Pereira dan Datuk Abdul Shukor Hassan.

**Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah menyerahkan tanggungjawab-tanggungjawab khusus kepada tujuh Jawatankuasa Lembaga seperti berikut.

A) **Jawatankuasa Audit**

Jawatankuasa ini membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab untuk menyelia proses laporan kewangan, sistem kawalan dalaman, proses audit dan pemantauan pematuhan undang-undang dan peraturan berkaitan.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada George Isac Pereire (Pengerusi), Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar dan Chan Kok Seong.

Enam mesyuarat Jawatankuasa Audit telah diadakan sepanjang tahun.

B) **Jawatankuasa Pencalonan**

Jawatankuasa ini mewujudkan prosedur dokumentasi, rasmi dan telus bagi perlantikan Pengarah baru, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan Pengurusan Kanan. Ia juga adalah merupakan proses penelitian semula keseimbangan dan penilaian keberkesanan setiap Pengarah, Lembaga Pengarah secara keseluruhannya dan lain-lain Jawatankuasa Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan Pengurusan Kanan.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada George Isac Pereire (Pengerusi), David Chan Mun Wai, Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil, Dato' Khalid bin Abdol Rahman, Datuk Abdul Shukor Hassan dan Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar.

Lima mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan telah diadakan sepanjang tahun.

C) **Jawatankuasa Imbuhan**

Jawatankuasa ini mewujudkan prosedur yang didokumentasi, rasmi dan telus bagi membangunkan polisi imbuhan untuk Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan Pengurusan Kanan dan memastikan imbuhan mereka adalah setanding dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi syarikat. Ia juga menyelia dan mengesyorkan polisi sumber manusia dan prosedur kepada Lembaga untuk diluluskan.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada George Isac Pereire (Pengerusi), David Chan Mun Wai, Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil, Lawrence Pereira dan Datuk Abdul Shukor Hassan.

Tiada mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan diadakan sepanjang tahun.

D) **Jawatankuasa Pengurusan Risiko**

Jawatankuasa ini mewujudkan prosedur yang didokumentasi, rasmi dan telus bagi memberi peluang kepada penumpuan ke atas penambahbaikan kualiti urus tadbir dan pengurusan risiko syarikat.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada George Isac Pereire (Pengerusi), David Chan Mun Wai, Dato' Khalid bin Abdol Rahman, Datuk Abdul Shukor Hassan dan Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar.

Enam mesyuarat Jawatankuasa Risiko telah diadakan sepanjang tahun.

E) **Jawatankuasa Eksekutif**

Jawatankuasa ini memastikan polisi umum dan objektif asas Syarikat seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah, dilaksanakan oleh pihak Pengurusan. Ia diberi kuasa oleh Lembaga bagi membuat keputusan yang cekap dan berkesan dalam mengkaji semula perkara-perkara yang berkaitan dengan operasi Syarikat pada mesyuarat bulanan.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil (Pengerusi), David Chan Mun Wai, Chan Kok Seong, Dato' Khalid bin Abdol Rahman, Tan See Dip dan Habshah Mohamed.

Sepuluh mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif telah diadakan sepanjang tahun.

F) **Jawatankuasa Tuntutan dan Pengunderaitan**

Jawatankuasa ini membantu Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dalam bidang tuntutan dan pengunderaitan Syarikat. Jawatankuasa ini juga memberikan panduan profesional berhubung perihal Syarikat dari segi tuntutan dan pengunderaitan.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada Lawrence Pereira (Pengerusi), Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil, David Chan Mun Wai, Dato' Khalid bin Abdol Rahman, Datuk Abdul Shukor Hassan, Tan See Dip dan Habshah Mohamed.

Sepuluh mesyuarat Jawatankuasa Tuntutan dan Pengunderaitan telah diadakan sepanjang tahun.

G) **Jawatankuasa Pelaburan**

Jawatankuasa ini membantu Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dalam perlaksanaan tanggungjawab strategik dari segi pelaburan Syarikat.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada Chan Kok Seong (Pengerusi), Dato' Khalid bin Abdol Rahman, Tan See Dip dan Habshah Mohamed.

Sepuluh mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan telah diadakan sepanjang tahun.

**Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Dalam tahun kewangan, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak sembilan kali dan semua Pengarah telah mematuhi syarat kehadiran minimum 75% ke mesyuarat tersebut.

**Latihan Pengarah**

Para Pengarah digalakkan untuk menghadiri program dan seminar pendidikan secara berterusan supaya mereka sentiasa mengikuti perkembangan semasa dalam industri insurans. Syarikat telah mewujudkan polisi bertulis bagi program induksi dan pendidikan untuk para Pengarah sejajar dengan keperluan piawaian urus tadbir korporat.

**Polisi Lembaga Pengarah**

Merujuk kepada Prinsip 4 JPI/GPI 25 Garis Panduan BNM, Jabatan Audit Dalaman ("JAD") telah menyediakan dan mengemaskinikan Polisi Lembaga Pengarah untuk memberikan maklumat industri insurans secara am dan Uni.Asia General Insurance Berhad secara khusus bersama-sama senarai maklumat-maklumat yang menyeluruh. Ia akan menjadi bahan rujukan utama bagi industri insurans di Malaysia dan operasi Syarikat secara keseluruhannya untuk para Pengarah yang baru dilantik dan yang sedia ada.

**Mesyuarat Agung Tahunan**

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah membentangkan perkembangan dan prestasi perniagaan serta menggalakkan pemegang saham mengambil bahagian dalam sesi soal jawab. Ketua Pegawai Eksekutif dan, apabila perlu, Pengerusi Jawatankuasa Lembaga bersedia untuk menjawab soalan daripada pemegang saham semasa mesyuarat diadakan.

**Kontrak Penting**

Tiada kontrak penting yang dimeterai oleh Syarikat yang melibatkan kepentingan Pengarah dan pemegang saham utama.

**Kebebasan Korporat**

Syarikat telah memenuhi keperluan seperti yang dikehendaki oleh garis panduan Bank Negara Malaysia Penzahiran Pihak Berkaitan (JPI/GPI 19) di dalam segala urusan yang berkaitan Penzahiran Pihak Berkaitan.

**Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara menyeluruh ke atas sistem kawalan dalaman yang direka untuk mencapai objektif-objektif korporat disamping memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi, laporan kewangan, dan pematuhan dengan hal-hal perundangan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab menentukan strategi dan polisi risiko dan kawalan, sementara itu pihak Pengurusan adalah bertanggungjawab ke atas keberkesanan rekabentuk dan operasi pengurusan risiko dan proses kawalan.

Risiko-risiko penting adalah dikenalpasti dan dinilai menerusi rangka kerja yang diterimapakai dan polisi Pengurusan Risiko Perusahaan (PRP). Lembaga Pengurusan Risiko Perusahaan (LPRP) mengawasi aktiviti Pengurusan Kanan dalam menguruskan bahagian paling berisiko dan memastikan rangka kerja pengurusan risiko dan semua proses berfungsi dengan berkesan.

Perlaksanaan PRP diserahkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Perusahaan (JPRP). JPRP akan membantu Ketua Pegawai Eksekutif dalam membentuk prosedur dan menilai pertimbangan semula aplikasi praktis pengurusan risiko dan melaporkan penilaian kepada LPRP.

Jabatan Audit Dalaman (JAD) memberi keyakinan bebas kepada Lembaga ke atas sistem kawalan dalaman dan rangka kerja pengurusan risiko yang mencukupi dan telus. Ia menilai kecukupan dan keberkesanan pembetulan risiko yang sedia ada dalam mengurangi risiko. JAD turut memasukkan aktiviti mengesan risiko penipuan dan aktiviti pengubahan wang haram sebagai sebahagian daripada tugasan audit.

Identifikasi, penilaian dan pengurusan risiko yang dihadapi oleh Syarikat merupakan proses berterusan yang merangkumi bidang-bidang operasi yang kritikal.

**Pertanggungjawaban Awam**

Sebagai penjaga dana awam, urusan Syarikat dengan masyarakat sentiasa dilakukan dengan adil, jujur dan profesional.

**Laporan Kewangan**

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, matlamat para Pengarah adalah untuk mengemukakan penilaian yang seimbang dan mudah difahami tentang kedudukan dan prospek Syarikat.

**Penyata Tanggungjawab Pengarah**

Para Pengarah perlu mematuhi Akta Syarikat, 1965 untuk menyediakan penyata kewangan mengikut piawaian perakaunan yang disahkan dan digunapakai mengenai kedudukan sebenar Syarikat, keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berkenaan.

**PENGARAH-PENGARAH**

Para Pengarah yang berkhidmat sepanjang tempoh yang berkenaan semenjak tarikh laporan yang lalu ialah:

Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil
David Chan Mun Wai
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar
Chan Kok Seong
Dato' Khalid bin Abdol Rahman
Lawrence Pereira
Datuk Abdul Shukor Hassan
George Isac Pereire

Berdasarkan Artikel Pertubuhan Syarikat, Dato' Khalid bin Abdol Rahman dan Chan Kok Seong bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan layak menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula.

Berdasarkan seksyen 129 Akta Syarikat, 1965, Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar, Lawrence Pereira dan Datuk Abdul Shukor Hassan akan bersara dan satu resolusi telah dicadangkan bagi perlantikan semula mereka sebagai para Pengarah di bawah peruntukan seksyen 129(6) akta tersebut di mana mereka harus berkhidmat sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

**KEPENTINGAN PENGARAH-PENGARAH**

Menurut daftar Pemegang Saham Pengarah, butiran mengenai kepentingan para Pengarah dalam pemegangan saham Syarikat pada akhir tahun kewangan berkenaan dan pemegangan opsyen saham dalam syarikat-syarikat yang berkaitan adalah seperti berikut:

| | Jumlah saham-saham biasa RM1.00 satu | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Pada 1.4.2009 | Dibeli | Dijual | Pada 31.3.2010 |
| **Dalam Syarikat** | | | | |
| Langsung | | | | |
| George Isac Pereire | 2,052,381 | - | - | 2,052,381 |
| Tidak Langsung | | | | |
| Lawrence Pereira* | 9,850,000 | - | - | 9,850,000 |
| Datuk Abdul Shukor Hassan** | 10,003,175 | - | - | 10,003,175 |
| **Dalam DRB-HICOM Berhad (Syarikat Pegangan Utama)** | | | | |
| Langsung | | | | |
| George Isac Pereire | 170,000 | - | - | 170,000 |
| Kepentingan pasangan/anak Direktor | | | | |
| Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar | - | 60,000 | - | 60,000 |
| **Dalam Etika Strategi Sdn Bhd (Syarikat Pegangan Terakhir)** | | | | |
| Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil | 30,000 | | | 30,000 |

* Dianggap mempunyai kepentingan dalam pemegangan saham Emaco Sdn Bhd menurut Seksyen 6A(4) Akta Syarikat, 1965.

** Dianggap mempunyai kepentingan dalam pemegangan saham Salinah Enterprise Sdn Bhd menurut Seksyen 6A(4) Akta Syarikat, 1965.

Tidak ada lain-lain Pengarah yang mempunyai kepentingan di dalam pemegangan saham Syarikat atau syarikat-syarikat yang berkaitan sepanjang tahun kewangan berkenaan.

**GANJARAN-GANJARAN PENGARAH**

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang rancangan membabitkan Syarikat bertujuan untuk membolehkan para Pengarah Syarikat memperolehi ganjaran-ganjaran menerusi pengambilalihan saham atau debentur Syarikat atau badan korporat yang lain selain daripada pilihan saham yang diluluskan oleh syarikat pegangan utama, DRB-HICOM Berhad, kepada para Pengarah tertentu berdasarkan Skim Opsyen Saham Kakitangan.

Sejak akhir tahun kewangan sebelum ini, tidak ada Pengarah syarikat yang menerima atau berhak untuk menerima sebarang ganjaran (selain ganjaran-ganjaran yang dinyatakan sebagai imbuhan dan ganjaran-ganjaran yang disediakan kepada para Pengarah seperti yang dinyatakan di dalam nota 20 penyata kewangan), disebabkan oleh kontrak yang dilakukan oleh syarikat atau syarikat berkaitan bersama Pengarah atau firma di mana Pengarah berkenaan menjadi ahli, atau syarikat di mana Pengarah berkenaan mempunyai kepentingan kewangan yang ketara, kecuali bagi sebarang faedah yang dianggap mungkin diperolehi oleh seseorang Pengarah berdasarkan urusniaga dagangan biasa antara Syarikat dan syarikat-syarikat di mana Pengarah tersebut mempunyai kepentingan ekuiti yang ketara.

**SYARIKAT PEGANGAN TERDEKAT DAN SYARIKAT PEGANGAN UTAMA**

Syarikat pegangan terdekat adalah Uni.Asia Capital Sdn. Bhd. Para Pengarah menganggap syarikat DRB-HICOM Berhad dan Etika Strategi Sdn. Bhd. sebagai syarikat pegangan utama dan pegangan terakhir Syarikat. Kesemua syarikat diperbadankan di Malaysia.

**JURUAUDIT**

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus berkhidmat.

Bersesuaian dengan satu ketetapan Lembaga Pengarah bertarikh 22 Jun 2010.

**DAVID CHAN MUN WAI**
**PENGARAH**

**DATO' KHALID BIN ABDOL RAHMAN**
**PENGARAH**

**Kuala Lumpur**

## LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI UNI.ASIA GENERAL INSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia, No. Syarikat 16688-K)

Pada 22 Jun 2010, kami melaporkan kewangan berkanun Uni.Asia General Insurance Berhad bagi tahun berakhir 31 Mac 2010. Dalam laporan tersebut, kami menyatakan bahawa:

**"LAPORAN PENYATA KEWANGAN**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Uni.Asia General Insurance Berhad, yang mengandungi kunci kira-kira pada 31 Mac 2010, dan penyata pendapatan, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir, dan rumusan berkenaan dengan polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penjelasan lain yang dibentangkan di halaman 23 hingga 71.

**Tanggungjawab Pengarah kepada Penyata Kewangan**

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk menyediakan dan membentangkan penyata kewangan yang bersesuaian mengikut peruntukan Akta syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan Malaysian Accounting Standards Board ('MASB') yang diluluskan di Malaysia sebagai sebuah badan yang berlainan dengan badan swasta yang lain. Tanggungjawab ini termasuk: merekabentuk, melaksanakan dan mengekalkan kawalan dalaman berkenaan penyediaan dan pembentangan yang munasabah sama ada penyata-penyata kewangan bebas daripada kesilapan kenyataan yang penting, berkenaan dengan kesalahan atau penipuan; memilih dan menggunakan piawaian perakaunan; dan memastikan anggaran perakaunan mengikut keadaan yang sesuai.

**Tanggungjawab Juruaudit**

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi pendapat dalam penyata-penyata kewangan berdasarkan audit yang dibuat. Kami menjalankan audit kami mengikut piawai pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian berkenaan memerlukan kami mematuhi kod etika, merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi keyakinan munasabah sama ada penyata-penyata kewangan bebas daripada kesilapan kenyataan yang penting.

Sesuatu audit merangkumi prosedur-prosedur mengekalkan bukti audit tentang amaun-amaun dan pendekatan-pendekatan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur dipilih berdasarkan pertimbangan kami, termasuk penilaian tentang risiko dalam kesilapan kenyataan penting yang terdapat pada penyata kewangan, berkenaan dengan kesalahan atau penipuan. Dalam membuat penilaian risiko-risiko, kami mengambil kira kawalan dalaman yang berkaitan dengan persediaan dan pembentangan yang munasabah oleh pihak Syarikat dalam penyata kewangan untuk mereka bentuk prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, bukan bertujuan memberikan pendapat dalam keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian terhadap kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan adalah munasabah dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah serta penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara menyeluruh.

Kami percaya bukti audit kami menyediakan asas yang munasabah dan mencukupi untuk menyediakan dasar pendapat audit kami.

**Pendapat**

Pada pendapat kami penyata kewangan berkenaan telah disediakan bersesuaian dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan Malaysian Accounting Standards Board ('MASB') yang diluluskan di Malaysia sebagai sebuah badan yang berlainan dengan badan swasta yang lain bagi memberikan pandangan yang benar dan saksama berhubung perkara-perkara yang diperlukan oleh Akta ini bagi urusan penyata kewangan dan kedudukan syarikat pada 31 Mac 2010 serta keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

**LAPORAN ATAS KEPERLUAN PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG LAIN**

Mengikut peruntukan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami mendapati rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang diperlukan oleh Akta disimpan oleh Syarikat dengan sempurna mengikut peruntukan Akta berkenaan.

**PERKARA-PERKARA LAIN**

Laporan ini dibuat khas untuk ahli-ahli dalam Syarikat, sebagai satu badan, mengikut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap individu lain bagi kandungan laporan ini."

Selain daripada nota-nota kepada penyata kewangan yang tidak disiarkan di dalam suratkhabar, melainkan nota-nota, Syarikat berkenaan dengan hartanah pelaburan, pelaburan, penerimaan dan liabiliti tuntutan, penyata-penyata kewangan yang dilaporkan di sini adalah sama dengan penyata-penyata kewangan yang telah kami laporkan, dalam semua aspek yang ketara.

Justeru itu, untuk mendapat pemahaman yang lebih wajar ke atas kedudukan Syarikat pada 31 Mac 2010, rujukan harus dibuat kepada penyata-penyata kewangan berkanun Uni.Asia General Insurance Berhad, yang mana laporan kami yang bertarikh 22 Jun 2010, telah dibuat dalam konteks yang sama.

**PRICEWATERHOUSECOOPERS**
**(No. AF: 1146)**
**Akauntan Bertauliah**

**SRIDHARAN NAIR**
**(No. 2656/05/12 (J))**
**Akauntan Bertauliah**

**Kuala Lumpur**
**22 June 2010**

Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan Uni. Asia General Insurance Berhad yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan ahli-ahli Uni.Asia General Insurance Berhad yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.

## Kunci Kira-Kira

Pada 31 Mac 2010

| | Nota | 2010 RM'000 | 2009 RM'000 |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| Hartanah, kilang dan peralatan | | 49,683 | 49,267 |
| Pajakan prabayar | | 6,477 | 6,557 |
| Hartanah Pelaburan | 1 | 39,764 | 33,880 |
| Pelaburan | 2 | - | 223,007 |
| Sekuriti: | 3 | | |
| Sekuriti sedia untuk dijual | | 55,115 | - |
| Sekuriti dipegang sehingga matang | | 116,200 | - |
| Pinjaman | | 832 | 953 |
| Cukai aset tertunda | | - | 3,452 |
| Penerimaan | 4 | 66,583 | 53,538 |
| Cukai boleh dikutip semasa | | 5,206 | 4,283 |
| Simpanan tetap dan panggilan | | 410,855 | 295,413 |
| Tunai dan baki bank | | 3,001 | 1,164 |
| Jumlah aset | | 753,716 | 666,514 |
| **LIABILITI** | | | |
| Liabiliti tuntutan | 5 | 323,105 | 237,979 |
| Pembayaran | | 65,989 | 51,094 |
| Pasca tanggungjawab manfaat guna tenaga | | 827 | 890 |
| | | 389,921 | 289,963 |
| Liabiliti premium | | 154,535 | 157,043 |
| Jumlah liabiliti | | 544,456 | 447,006 |
| **EKUITI PEMEGANG SAHAM** | | | |
| Modal saham | | 100,000 | 100,000 |
| Rizab | | 109,260 | 119,508 |
| | | 209,260 | 219,508 |
| Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang saham | | 753,716 | 666,514 |

Nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.

## Penyata Pendapatan

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2010

| | 2010 RM'000 | 2009 RM'000 |
|---|---|---|
| Pendapatan operasi | 418,735 | 432,622 |
| Dana pemegang saham: | | |
| Perbelanjaan pengurusan | (2,138) | (2,300) |
| | (2,138) | (2,300) |
| Defisit dipindahkan daripada akaun pendapatan | (22,131) | (3,478) |
| Kerugian sebelum cukai | (24,269) | (5,778) |
| Cukai | (2,843) | (165) |
| Kerugian bagi tahun kewangan | (27,112) | (5,943) |
| Pendapatan sesaham (sen) | (27.11) | (5.94) |

Nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.

## Akaun Pendapatan Insurans Am

Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Mac 2010

| | Kebakaran RM'000 | Kenderaan RM'000 | Perkapalan, Penerbangan & Transit RM'000 | Pelbagai RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| Premium kasar | 48,191 | 303,547 | 8,422 | 37,002 | 397,162 |
| Penginsurans semula | (25,601) | (17,097) | (5,912) | (13,753) | (62,363) |
| Premium bersih | 22,590 | 286,450 | 2,510 | 23,249 | 334,799 |
| (Penambahan)/ pengurangan dalam liabiliti premium | 1,544 | (4,815) | 666 | 5,113 | 2,508 |
| Premium diperolehi | 24,134 | 281,635 | 3,176 | 28,362 | 337,307 |
| Tuntutan bersih ditanggung | (8,336) | (296,522) | (1,377) | (13,887) | (320,122) |
| Komisyen bersih | (699) | (27,952) | (128) | (3,176) | (31,955) |
| Lebihan/(deficit) pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan | 15,099 | (42,839) | 1,671 | 11,299 | (14,770) |
| Perbelanjaan pengurusan | | | | | (54,800) |
| Defisit pengunderaitan | | | | | (69,570) |
| Pendapatan pelaburan | | | | | 21,573 |
| Pendapatan operasi lain - bersih | | | | | 25,866 |
| Defisit dipindahkan ke penyata pendapatan | | | | | (22,131) |

Nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.

## Akaun Pendapatan Insurans Am

Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Mac 2009

| | Kebakaran RM'000 | Kenderaan RM'000 | Perkapalan, Penerbangan & Transit RM'000 | Pelbagai RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| Premium kasar | 54,689 | 296,415 | 9,880 | 49,450 | 410,434 |
| Penginsurans semula | (24,338) | (16,670) | (6,589) | (26,603) | (74,200) |
| Premium bersih | 30,351 | 279,745 | 3,291 | 22,847 | 336,234 |
| Penambahan dalam liabiliti premium | (830) | (13,938) | (285) | (4,571) | (19,624) |
| Premium diperolehi | 29,521 | 265,807 | 3,006 | 18,276 | 316,610 |
| Tuntutan bersih ditanggung | (7,095) | (215,901) | (2,681) | (12,322) | (237,999) |
| Komisyen bersih | (1,199) | (25,282) | (164) | (2,912) | (29,557) |
| Lebihan pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan | 21,227 | 24,624 | 161 | 3,042 | 49,054 |
| Perbelanjaan pengurusan | | | | | (58,791) |
| Defisit pengunderaitan | | | | | (9,737) |
| Pendapatan pelaburan | | | | | 22,188 |
| Pendapatan operasi lain - bersih | | | | | (15,929) |
| Defisit dipindahkan ke penyata pendapatan | | | | | (3,478) |

Nota-nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan ini.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Mac 2010

**1. HARTANAH PELABURAN**

| | Tanah dan bangunan pegangan bebas RM'000 | Tanah dan bangunan pajakan RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|
| Nilai bawaan pada 1 April 2009 | 9,380 | 24,500 | 33,880 |
| Laba nilai saksama | 820 | 5,064 | 5,884 |
| Nilai bawaan pada 31 Mac 2010 | 10,200 | 29,564 | 39,764 |
| Nilai bawaan pada 1 April 2008 | 9,760 | 24,500 | 34,260 |
| Perubahan nilai kini tahun semasa | (380) | - | (380) |
| Nilai bawaan pada 31 Mac 2009 | 9,380 | 24,500 | 33,880 |

Hak milik ke atas tanah dan bangunan pajakan dan tanah dan bangunan pegangan bebas termasuk di dalam pelaburan hartanah mempunyai nilai bawaan RM29,564,000 (2009: RM24,500,000) dan RM10,200,000 (2009: RM9,380,000) sedang di dalam proses untuk dipindahkan kepada Syarikat. Risiko, manfaat dan hakmilik nyata terhadap semua hartanah ini adalah diserahkan kepada Syarikat tanpa ragu semasa termeterainya pembelian hartanah tersebut. Syarikat telah menghantar dokumen berkaitan pemilikan kepada Jabatan Tanah untuk pemindahan hak milik kepada Syarikat dan masih menanti proses dan keputusan akhir pemindahan disempurnakan.

**2. PELABURAN**

| | 2010 Nilai Dibawa RM'000 | 2010 Nilai Pasaran RM'000 | 2009 Nilai Dibawa RM'000 | 2009 Nilai Pasaran RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| Sekuriti Kerajaan Malaysia, pada kos | - | | 45,114 | |
| Pelunasan premium bersih penambahan diskaun | - | | (113) | |
| | - | - | 45,001 | 45,038 |
| Disebutharga dalam Malaysia: | | | | |
| Sekuriti Ekuiti Syrikat, pada kos | - | | 3,600 | |
| Peruntukan untuk pengurangan nilai | - | | (1,000) | |
| | - | - | 2,600 | 2,600 |
| Unit amanah, pada kos | - | | 19,170 | |
| Peruntukan untuk pengurangan nilai | - | | (4,171) | |
| | - | - | 14,999 | 14,999 |
| Disebutharga luar Malaysia: | | | | |
| Unit amanah, pada kos | - | | 12,000 | |
| Peruntukan untuk pengurangan nilai | - | | (4,431) | |
| | - | - | 7,569 | 7,569 |
| Tidak disebutharga dalam Malaysia: | | | | |
| Sekuriti Ekuiti Syarikat, pada kos | - | | 214 | |
| Peruntukan untuk pengurangan nilai | - | | (121) | |
| | - | | 93 | |
| Sekuriti hutang korporat, pada kos | - | | 156,829 | |
| Pelunasan premium bersih Penambahan diskaun | - | | (392) | |
| Peruntukan untuk pengurangan nilai | - | | (3,692) | |
| | - | | 152,745 | |
| JUMLAH PELABURAN | - | | 223,007 | |

Struktur matang instrumen pasaran wang dan sekuriti hutang korporat adalah seperti berikut:

| | 2010 RM'000 | 2009 RM'000 |
|---|---|---|
| Pelaburan matang dalam tempoh 12 bulan | - | 75,056 |
| Pelaburan matang selepas 12 bulan | - | 122,690 |
| | - | 197,746 |

**3. SEKURITI**

Jumlah sekuriti syarikat dirumuskan seperti berikut:

| | 2010 RM'000 | 2009 RM'000 |
|---|---|---|
| Sekuriti: | | |
| Sedia untuk dijual | 55,115 | - |
| Pegang sehingga matang | 116,200 | - |
| | 171,315 | - |
| Aset yang termasuk di atas di kategorikan seperti berikut: | | |
| Pada nilai saksama: | | |
| Sekuriti Ekuiti tidak disebutharga | 93 | - |
| Sekuriti hutang korporat tidak disebutharga | 55,022 | - |
| Jumlah sekuriti sedia untuk dijual | 55,115 | - |
| Pada penambahan harga: | | |
| Sekuriti hutang korporat tidak disebutharga, pada harga | 116,274 | - |
| Pelunasan premium bersih Penambahan diskaun | (74) | - |
| Sekuriti dipegang sehingga matang | 116,200 | - |

Struktur matang sekuriti hutang korporat diklasifikasikan sebagai sekuriti sedia untuk dijual adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Pelaburan matang dalam tempoh 12 bulan | 15,253 | - |
| Pelaburan matang selepas 12 bulan | 39,769 | - |
| | 55,022 | - |

Struktur matang sekuriti hutang korporat diklasifikasikan sebagai dipegang sehingga matang adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Pelaburan matang selepas 12 bulan | 116,200 | - |

**4. PENERIMAAN**

| | 2010 RM'000 | 2009 RM'000 |
|---|---|---|
| **Penerimaan Dagangan** | | |
| Premium terhutang termasuk baki agen, broker dan penginsurans semula | 33,021 | 39,973 |
| Terhutang daripada penginsurans semula dan syarikat berhak | 24,948 | 7,943 |
| Peruntukan bagi hutang ragu | (6,670) | (7,100) |
| | 51,299 | 40,816 |
| Peruntukan sesama selesai daripada penginsurans lain | 927 | 1,303 |
| Peruntukan bagi hutang ragu | (116) | (242) |
| | 811 | 1,061 |
| **Penerimaan Lain** | | |
| Pendapatan pelaburan terakru | 3,556 | 5,489 |
| Aset dipegang oleh Malaysian Motor Insurance Pool | 5,373 | 2,851 |
| Deposit | 791 | 691 |
| Pra-pembayaran | 402 | 403 |
| Penerimaan lain | 4,351 | 2,227 |
| | 14,473 | 11,661 |
| | 66,583 | 53,538 |
| Penerimaan selepas 12 bulan | 5,373 | 2,851 |

**5. LIABILITI TUNTUTAN**

| | 2010 RM'000 | 2009 RM'000 |
|---|---|---|
| Liabiliti tuntutan | 395,602 | 308,947 |
| Tolak: Jumlah yang diterima oleh penginsurans semula | (72,496) | (70,968) |
| Liabiliti tuntutan bersih | 323,106 | 237,979 |

Layari laman web kami di **http://www.uniasiageneral.com.my** untuk mendapatkan versi penuh Laporan Tahunan 2010.